



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
(MOTAC)

**KESELAMATAN JALAN RAYA GENTING TIDAK BOLEH
DILENGAHKAN LAGI**
**CADANG TAMBAH FASILITI PENGURANG KELAJUAN &
PERKUKUH MEKANISME KAWAL SELIA**

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dato Sri Tiong King Sing hari ini mempengerusikan mesyuarat penyelarasan berhubung kejadian kemalangan bas persiaran di Genting Highlands. Mesyuarat tersebut turut membincangkan secara mendalam perkembangan siasatan kemalangan berkenaan bersama Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM), PUSPAKOM serta agensi-agensi berkaitan, di samping merangka langkah-langkah susulan bagi memperkukuh pengurusan keselamatan kenderaan pelancongan.

Tiong mendedahkan bahawa siasatan awal menunjukkan kemalangan bas persiaran yang berlaku di laluan Genting Highlands pada 30 Mei kemungkinan berpunca daripada kegagalan sistem brek kenderaan. Namun begitu, punca sebenar masih menunggu pengesahan dan penelitian lanjut daripada unit teknikal yang berkenaan. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklumat semasa, pemandu yang terlibat bukan sahaja memiliki 6 rekod kesalahan JPJ, malah turut mempunyai 29 rekod kesalahan trafik polis. Ini termasuklah memandu melebihi had laju, tiada lesen Vokasional (PSV) yang sah, tiada lesen memandu, melanggar isyarat lalu lintas, dan menggunakan telefon bimbit semasa memandu. Situasi ini amat membimbangkan dan sekali gus menunjukkan kepentingan untuk memperkukuh kawal selia kenderaan pelancongan, penapisan latar belakang pemandu, serta mekanisme penguatkuasaan keselamatan jalan raya.

Tiong menegaskan bahawa keselamatan pengangkutan pelancongan bukan sahaja melibatkan nyawa penumpang, malah memberi kesan langsung kepada imej pelancongan negara. Oleh itu, sebarang risiko yang boleh membahayakan pelancong mesti dipandang serius dengan mengambil langkah pencegahan yang lebih proaktif dan berpandangan jauh. Justeru, beliau mencadangkan agar pihak berkaitan mengkaji untuk menambah kemudahan pengurang kelajuan (road bump / bonggol jalan) atau

langkah penenang lalu lintas yang berkesan di laluan berisiko tinggi. Cadangan juga termasuk menambah bonggol jalan khususnya di laluan menurun Genting Highlands, hasil maklum balas pengguna jalan raya mengenai risiko kawasan tersebut. Perhatian khusus perlu diberikan di kawasan kritikal pada laluan keluar masuk utama Genting Highlands bagi mengurangkan kelajuan kenderaan dan mengurangkan risiko kemalangan.

Beliau turut mendedahkan bahawa JPJ sebelum ini pernah mencadangkan pemasangan kemudahan perangkap laju di laluan tersebut bagi meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan risiko. Namun, jalan itu merupakan jalan persendirian, justeru cadangan tersebut masih belum mendapat kelulusan untuk dilaksanakan sehingga kini. Buat masa ini, laluan tersebut hanya dilengkapi dengan beberapa sistem kamera litar tertutup (CCTV). Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk menyemak semula dan menyejajarkan pelaksanaan lebih banyak langkah pemantauan berteknologi bagi meningkatkan tahap pengurusan keselamatan jalan raya.

"Langkah-langkah keselamatan tidak boleh hanya diambil selepas kemalangan terjadi. Kita mesti bertindak dari sudut pencegahan dan meminimumkan risiko sehabis baik," tegasnya.

Tiong menyatakan bahawa walaupun laluan tersebut diklasifikasikan sebagai hak milik dan pengurusan persendirian, ia secara langsung melibatkan nyawa pelancong dan pengguna jalan raya awam. Justeru, beliau berharap pihak pengurusan dapat berkerjasama secara aktif dengan pihak kerajaan dan penguat kuasa atas semangat kepentingan awam serta Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dalam melaksanakan penambahbaikan keselamatan yang dicadangkan.

"Pemantauan berteknologi tinggi bukan bertujuan untuk menambah beban, tetapi untuk melindungi nyawa. Sebarang langkah yang dapat memperkukuh kawal selia dan meningkatkan tahap keselamatan jalan raya perlu disegerakan."

Mengenai isu pengurusan kenderaan pelancongan, Tiong menegaskan bahawa sebarang pelanggaran yang menyentuh soal keselamatan awam tidak wajar dipandang remeh. Bagi pemandu yang mempunyai tunggakan saman yang banyak, cukai jalan tamat tempoh, memandu secara berbahaya, serta kenderaan yang penyelenggaraannya tidak menepati piawaian sehingga mengundang risiko, agensi-agensi yang berkaitan—sama ada APAD, JPJ, mahupun PDRM—mesti mengambil tindakan penguatkuasaan dan kawal selia yang lebih tegas mengikut undang-undang.

"Sekiranya masalah dibiarkan berlarutan untuk jangka masa yang panjang tanpa sebarang pembetulan segera, maka sistem itu sendiri yang harus dikaji semula."

Sementara itu, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) juga akan mengaturkan perbincangan lanjut dengan pihak pengurusan Genting Highlands untuk memahami dengan lebih terperinci status pengurusan keselamatan jalan raya pada masa ini. Kedua-dua pihak akan meneroka jalan penyelesaian yang boleh dicapai dan direalisasikan serta merta, termasuk fasiliti penenang lalu lintas, peranti pemantauan kamera, serta inisiatif lain yang relevan.

"Bagi orang awam, apa yang mereka mahukan bukanlah sekadar laporan kerja di atas kertas semata-mata, sebaliknya mereka mahu melihat tindakan dan hasil sebenar. Melindungi keselamatan pelancong, menjaga reputasi pelancongan negara, dan meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan pelancongan adalah tanggungjawab bersama. Kita mesti berorientasikan hasil, sentiasa proaktif dalam mengesan dan menyelesaikan kelemahan, bukannya membiarkan masalah yang sama terus berulang."

Akhirnya, beliau memberi komitmen bahawa Kementerian akan terus memantau rapi isu ini dan bekerjasama erat dengan agensi-agensi penguatkuasaan demi memastikan tahap keselamatan industri pengangkutan pelancongan terus cemerlang, sekali gus menyediakan persekitaran yang selamat dan terjamin bagi pelancong tempatan mahupun antarabangsa.

DATO SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

PUTRAJAYA
9 JUN 2026

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-8891 7181

*Website: www.motac.gov.my Email: group.ukk@motac.gov.my Facebook,
Instagram, X & TikTok: @mymotac*

